

# KREATIVITI PENSYARAH MELALUI APLIKASI TEKNIK-TEKNIK POWERPOINT UNTUK TUJUAN PENGAJARAN

Faizan Hj Abd Jabar  
Nor Hidayatun Abdul Razak  
Nor Chahaya Johar  
Norlaili Harun  
Mashita Hj Abd Jabar

## ABSTRAK

*PowerPoint merupakan alat yang berkesan dalam penyampaian syarahan dan juga pembentangan. Ini kerana PowerPoint merupakan perisian yang menampilkan huruf dan juga gambar serta dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi tentang sesuatu persembahan. Ia juga dapat menarik perhatian penonton melalui animasi-animasi yang menarik. Bagi para pensyarah pula, penggunaan PowerPoint mampu membantu mereka menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan. Meskipun para pensyarah mengeksploitasi sepenuhnya perisian PowerPoint secara kreatif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar, namun begitu, tahap penggunaan PowerPoint secara berkesan dalam penyampaian syarahan di kalangan pensyarah masih kabur. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan untuk mengetahui apakah teknik-teknik PowerPoint yang biasa diaplikasikan oleh pensyarah dalam menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif, menarik dan berkesan dan mengetahui apakah teknik paling kerap digunakan oleh pensyarah. Bagi mendapatkan maklumbalas, 100 borang soalselidik telah diedarkan kepada pensyarah dari pelbagai fakulti di Universiti Teknologi Mara, Pahang. Hasil kajian mendapati para pensyarah mempunyai pengetahuan asas dan tahu mengaplikasikan teknik-teknik perisian PowerPoint, namun tidak ramai yang mengaplikasikannya dalam proses pengajaran bagi persembahan yang lebih mantap. Hasil kajian diharap dapat membantu para pensyarah mengenalpasti kepelbagaian teknik-teknik PowerPoint yang ada di samping berusaha menggunakannya secara kreatif untuk penambahbaikan dalam proses pengajaran.*

**Kata Kunci:** Aplikasi Powerpoint, Kreativiti, PowerPoint dan Pengajaran

## Pengenalan

Dalam memastikan mutu pengajaran yang sentiasa berkesan, tugas seorang pensyarah bukan setakat hanya memberikan syarahan dalam bentuk lisan tetapi juga perlu disertai dengan alat bantuan mengajar yang berkualiti dan efektif. Dalam usaha tersebut, dengan adanya teknologi, ia boleh dijadikan alat yang sesuai untuk menyumbang kepada keberkesanan pengajaran (McKeachie dan Svinicki, 2006). Umumnya, dari segi teknologi, perisian PowerPoint merupakan alat bantu mengajar yang begitu sinonim dalam sesi pengajaran. Adalah tidak mencukupi hanya mengetahui kemahiran asas dalam menggunakan perisian tersebut tetapi adalah satu keperluan untuk mengeksploitasi teknik-teknik yang disediakan oleh perisian tersebut dengan lebih mendalam agar bahan pengajaran dan proses pembelajaran dapat dilakukan dengan lebih baik. Lebih-lebih lagi dengan mengetahui teknik-teknik tersebut, para pensyarah boleh menjadi lebih kreatif dan boleh menyediakan bahan pengajaran dengan lebih baik dan seterusnya menyampaikannya dengan lebih efektif.

Kreativiti dalam menggunakan perisian PowerPoint penting untuk memastikan keberkesanan penyampaian dalam proses pembelajaran. Ia berkait rapat dengan pelbagai teknik penting dalam pemilihan penggunaan rekabentuk, jadual, carta, grafik, audio video, pergerakan animasi dan sebagainya. Dalam usaha untuk mengetahui tahap kreativiti para pensyarah dalam menggunakan teknik-teknik PowerPoint, 100 soalselidik telah diedarkan kepada pensyarah-pensyarah UiTM Pahang dari semua fakulti. Hasil dari maklumbalas yang diterima, daripada 100 orang yang terlibat, hanya 68 pensyarah yang menggunakan perisian PowerPoint dalam proses pengajaran. Kajian ini akan memfokuskan kepelbagaian teknik yang ada di dalam perisian Power Point serta mengetahui teknik manakah yang kerap digunakan oleh pensyarah bagi membantu pengajaran mereka.

## Kreativiti Dalam Proses Pengajaran

Kreatif dalam menghasilkan paparan persembahan Power Point boleh diertikan cetusan idea dalam menghasilkan suatu persembahan Power Point dengan mengaplikasikan kepelbagaian teknik yang disediakan di dalam perisian tersebut bagi mendapatkan suatu hasil persembahan yang unik, berbeza hasil kerja dengan hasil kerja orang lain atau di dalam perisian itu sendiri malah mampu membuat penonton tertarik, teruja dan kagum. Di dalam institusi pendidikan, bagi memastikan para pensyarah sentiasa kreatif dalam proses pengajaran, perlu diingatkan bahawa perisian PowerPoint boleh memberikan banyak kebaikan di mana pelbagai bahan tambahan boleh digunakan seperti boleh dihubungkan kepada website-website, video, gambaran digital, graf, carta dan sebagainya (Morss dan Murray, 2005). Bahan-bahan inilah yang boleh membantu proses pengajaran berjalan dengan lebih berkesan. Bukanlah bermakna setiap kali proses pengajaran pensyarah harus menghasilkan paparan yang mengagumkan tetapi lebih kepada menghasilkan sesuatu yang boleh menarik minat pelajar dalam memahami syarahan itu sendiri yang mana ia berkisar kepada bagaimana kreatif seseorang pensyarah itu menghasilkannya. Walau bagaimanapun, penggunaan bahan-bahan tambahan ini secara yang

tidak kreatif dan sembarangan tanpa mengikut peraturan-peraturan asas penggunaan perisian PowerPoint yang berkesan akan mengganggu para pelajar dan tidak meninggalkan kesan kepada mereka. (Sakip, 2010) juga menyatakan penyediaan paparan persembahan yang lemah oleh pensyarah boleh menyebabkan pelajar boleh hilang fokus, terganggu dengan ketidaksesuaian aplikasi teknik serta masalah ketidaksesuaian penyampaian syarahan terutama bagi subjek pengiraan.

Oleh yang demikian, sebagai pensyarah haruslah peka terhadap aplikasi dan kreativiti dalam menghasilkan paparan yang menarik dan berkesan bagi tujuan syarahan agar tidak mendapat kritikan dari pelajar di kemudian hari. Bagaimana kreatif pun anda menggunakan PowerPoint (Adler dan Elmhorst, 2010) dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah, elakkan dari penggunaan yang keterlaluan. Ini kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan kepada para pelajar dan mungkin menyebabkan mereka tidak memahami maksud yang cuba disampaikan.

### Kajian Literatur

Salah satu kriteria yang paling penting di dalam PowerPoint adalah persembahan pembentangan. Melalui bantuan PowerPoint pensyarah mampu memberi syarahan dengan lebih sempurna dan menarik yang mana ia juga membantu para pelajar lebih memahami apa yang ingin disampaikan. Menurut (Susskind, 2008) menyatakan para pelajar lebih suka memilih proses pembelajaran dibantu oleh alat bantuan seperti PowerPoint kerana syarahan lebih tersusun dan menarik. Ini adalah kerana PowerPoint mempunyai keistimewaan tersendiri seperti memasukkan gambar/video, editasi gambar/video, animasi, bunyi dan berbagai lagi. (Seaman, 1998) menyokong pendapat ini dan menyatakan bahawa para pelajar mampu mengikuti kelas dengan baik dan menyalin nota-nota dengan lebih berkesan dengan bantuan alat visual seperti PowerPoint.

Para pelajar lebih cenderung memilih syarahan melalui PowerPoint oleh kerana ianya dibantu dengan gambarajah visual yang memudahkan mereka memahami isi penting (Cigdem Uz, 2010). Manakala (Barbara Chievers, 2007) juga menyokong kenyataan di atas di mana pada pendapat beliau penggunaan alat bantuan audiovisual seperti paparan PowerPoint, video, graf dan carta, papan hitam atau carta flip serta alatan elektronik yang lain mampu memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Alat bantuan audiovisual ini mampu menyokong syarahan dengan fakta-fakta yang mana ia menjadikan suasana di dalam kelas lebih segar, menambah fokus pelajar terhadap syarahan dan memudahkan penerangan yang berbentuk teks ke bentuk yang ringkas seperti graf dan carta. Sakip (2010) menyatakan dalam kajian beliau bahawa pelajar lebih memilih syarahan melalui PowerPoint kerana ia mampu menarik minat dan penggunaan masa yang lebih berkesan.

Namun begitu, ada segelintir pelajar berpendapat PowerPoint boleh menyebabkan hilang fokus apabila digunakan terlalu kerap serta pelajar sering ketinggalan dalam menyalin nota oleh kerana syarahan yang agak laju. Selain daripada itu, melalui kajian yang dibuat oleh Nor Hidayatun dan Norlaili (KONAKA 2010, ms. 174) tulisan yang terlalu kecil, teks yang terlalu padat, kombinasi warna teks dan latar belakang yang tidak sesuai, penggunaan imej dan gambar yang kurang jelas dan kabur, penggunaan bunyi serta animasi yang kerap, penggunaan imej dan gambar yang tidak berkaitan dengan pembentangan juga antara perkara-perkara yang boleh mengganggu fokus pelajar ketika pembentangan dibuat. Tidak dinafikan bahawa penggunaan PowerPoint sememangnya memberikan faedah dan manfaat yang banyak. Contohnya seperti penggunaan teks, imej, video, grafik dan sebagainya (Pearson, et al, 2011). Namun demikian, perlu diingatkan bahawa penggunaan Powerpoint yang keterlaluan boleh menyebabkan pembentangan seakan-akan terpinggir dan dilupakan kerana audiens telah diasyikkan dengan gambaran-gambaran imej yang tertera di Powerpoint.

### Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah soal selidik. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pensyarah dari pelbagai fakulti di Universiti Teknologi Mara Pahang. Soalan-soalan telah dikemukakan kepada pensyarah untuk mengenalpasti sama ada mereka mempunyai pengetahuan asas tentang penggunaan Powerpoint dan seterusnya adakah mereka mengetahui bagaimana untuk mengaplikasikan teknik-teknik perisian Powerpoint yang kreatif dan berkesan dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran mereka. Melalui soal selidik ini, penulis dapat mengumpulkan maklumat yang ingin diketahui melalui maklum balas serta data yang telah diperolehi daripada pensyarah.

Soal selidik ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Soalan-soalan di dalam Bahagian A merangkumi perkara-perkara yang berkenaan dengan latar belakang demografi pensyarah dan juga soalan sama ada para pensyarah menggunakan Powerpoint dalam pengajaran mereka. Manakala soalan-soalan di dalam Bahagian B pula merangkumi 7 perkara tentang sejauh mana kreativiti seseorang pensyarah dalam teknik-teknik menggunakan Powerpoint dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini termasuklah soalan-soalan yang menyentuh tentang kreativiti para pensyarah dari sudut topografi, susunan dan rekabentuk, jadual, carta dan graf, kreativiti dalam penggunaan foto dan grafik, audio/video dan multimedia, kreativiti dari sudut mencipta tema dan pencontoh, pergerakan kreatif dan akhirnya kreativiti dalam penyampaian persembahan. Dalam Bahagian B juga penulis telah menggunakan skala Likert iaitu sama ada pensyarah tidak pernah (1), jarang (2), kadang-kadang (3), ataupun kerap (4) kreatif dalam menggunakan Powerpoint terhadap 7 perkara tersebut. Ini akan memudahkan penulis mengumpulkan maklumat, menganalisis data seterusnya membuat kesimpulan.

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan mudah (Convenience sampling) kepada pensyarah iaitu sebanyak 18 borang soal selidik kepada para pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, 13 borang soal selidik kepada pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat,

12 borang soal selidik kepada pensyarah Fakulti Perakaunan, 3 borang soal selidik kepada pensyarah Fakulti Kejuruteraan, 18 borang soal selidik diedarkan kepada pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik, 9 borang soal selidik kepada pensyarah dari Fakulti Sains Gunaan, 5 borang soal selidik diedarkan kepada Fakulti Sukan dan Rekreasi, 3 borang soal selidik diedarkan kepada CITU dan selebihnya iaitu 19 borang soal selidik telah diedarkan kepada pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa. Kesemua 100 (100%) borang yang telah lengkap diisi telah dipulangkan semula oleh para pensyarah dalam tempoh seminggu selepas ianya diedarkan. Kesemua data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan SPSS dan laporannya dibuat dalam bentuk deskriptif iaitu menggunakan frekuensi dan peratusan.

## Hasil dan Perbincangan

### Profil Demografik

Bilangan pensyarah mengikut jantina seperti yang dinyatakan di dalam jadual 1 di bawah di mana majoriti pensyarah terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 67.6% berbanding lelaki yang hanya 32.4% sahaja. Ini berikutan pensyarah wanita mendominasi kerjaya pensyarah di UiTM Pahang.

Manakala di Jadual 2, majoriti menunjukkan pensyarah yang paling ramai menggunakan perisian Power Point terdiri daripada pensyarah yang berumur 21-30 tahun iaitu 57.4% dan selebihnya adalah yang berumur 31 tahun ke atas. Ini adalah kerana pensyarah muda lebih terdedah dan cekap dalam penggunaan perisian komputer di era mereka ini.

Jadual 3 menunjukkan bilangan pensyarah mengikut fakulti seperti Fakulti Pengurusan Perniagaan 17.6%, Fakulti Pengurusan Pejabat 19.1%, Akademik Pengajian Bahasa 16.2% yang mana peratusan selebihnya adalah dari lain-lain fakulti. Ini adalah kerana borang soalselidik diberi secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan mudah.

Jadual 1. Bilangan pensyarah mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	22	32.4
Wanita	46	67.6

Jadual 2. Bilangan pensyarah yang menggunakan Power Point mengikut umur

Umur	Bilangan	Peratusan (%)
21-30	39	57.4
31-40	19	27.9
41-50	7	10.3
51-60	3	4.4

Jadual 3. Bilangan pensyarah mengikut fakulti

Fakulti	Bilangan	Peratusan (%)
Fakulti Pengurusan Perniagaan	12	17.6
Fakulti Komputer Sains & Matematik	10	14.7
Akademik Pengajian Bahasa	11	16.2
Fakulti Kejuruteraan Awam	2	2.9
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi	5	7.4
Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat	13	19.1
Fakulti Sains Gunaan	6	8.8
Fakulti Perakaunan	7	10.3
CITU	2	2.9

### Teknik-teknik Penting Dalam Perisian PowerPoint

Terdapat tujuh kategori teknik-teknik yang disediakan oleh perisian PowerPoint yang ditekankan dalam kajian ini dan hasil maklumbalas telah menunjukkan kekuatan dan kelemahan para pensyarah secara keseluruhannya berdasarkan tujuh kategori tersebut.

Jadual 4. Hubungan di antara Kreativiti dalam Pengajaran dan Penggunaan Teknik-teknik PowerPoint

Bil	Teknik-teknik Perisian PowerPoint	Kekerapan	
		Ya	Tidak
1	Topografi, Susunan dan Rekabentuk	61	7
2	Jadual, Carta dan Graf	60	8
3	Foto dan Grafik	57	11
4	Audio/Video dan Multimedia	41	27
5	Mencipta Tema dan Pencontoh	45	23
6	Pergerakan Kreatif	47	21
7	Penyampaian Persembahan	63	5

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.

Berdasarkan Jadual 4, kebanyakan pensyarah tidak mempunyai masalah dari segi topografi, susunan, rekabentuk, jadual, graf, carta dan juga dari segi penyampaian persembahan dalam menggunakan teknik-teknik PowerPoint. Kelemahan tertinggi yang dikesan adalah dari segi kreativiti dalam menggunakan teknik-teknik audio/video dan multimedia, mencipta tema dan pencontoh serta mewujudkan pergerakan kreatif. Dari segi kekerapan kelemahan yang tertinggi adalah 27 orang dari segi audio/video dan multimedia, 23 orang dari segi mencipta tema dan pencontoh dan 21 orang dari segi menggunakan pergerakan kreatif.

Jadual 5: Teknik bagi Topografi, Susunan dan Rekabentuk

Bil	Teknik Bagi Topografi, Susunan dan Rekabentuk	Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerap	Jumlah
1	Gunakan imej berkualiti tinggi	1	6	31	23	61
2	Gunakan tema sedia ada PowerPoint	0	8	23	30	61
3	Keseragaman paparan	2	3	18	38	61
4	Maklumat disusun teratur untuk lebih jelas	0	2	14	45	61
5	Paparan yang mudah	3	3	24	31	61
6	Pastikan poin yang diberi pendek dan jelas	2	2	14	43	61
7	Pilih dan gunakan fon yang sesuai	6	6	15	34	61
8	Tambahbaik kebolehbacaan pada paparan	0	3	7	51	61

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.

Jadual 5 menunjukkan 8 teknik penting bagi topografi, susunan dan rekabentuk. Dari sudut penggunaannya, kebanyakan pensyarah memang telah memahami konsep asas topografi, susunan dan rekabentuk. Secara keseluruhannya, jelas ditunjukkan jumlah pensyarah yang mempunyai kefahaman dan kemahiran dalam menyediakan bahan pengajaran yang kreatif dengan menggunakan teknik-teknik PowerPoint adalah melebihi separuh dari jumlah keseluruhan yang menggunakan perisian tersebut. Dengan mengambilkira ruangan kadang-kadang dan kerap, bagi penggunaan imej berkualiti tinggi, seramai 54 orang pensyarah menggunakan teknik tersebut, diikuti dengan penggunaan tema sedia ada PowerPoint iaitu seramai 53 orang, keseragaman paparan 56 orang, maklumat disusun teratur untuk lebih jelas seramai 59 orang, paparan yang mudah seramai 55 orang, poin yang diberi pendek dan jelas seramai 57 orang, gunakan fon yang sesuai seramai 49 orang dan tambahbaik kebolehbacaan pada paparan seramai 58 orang.



Jadual 6: Teknik bagi Jadual, Carta dan Graf

Bil	Teknik bagi Jadual, Carta dan Graf	Tidak pernah		Jarang		Kadang-kadang		Kerap	
1	Memilih format grafik yang tepat	1	1.5%	5	7.4%	16	23.5%	46	67.6%
2	Mengaplikasikan Carta Bar <i>Stacked</i> di Paparan Persembahan	5	7.4%	22	32.4%	23	33.8%	18	26.5%
3	Mengaplikasikan Carta, Jadual dan Graf bagi Meringkaskan isi-isi Penting	0	0%	6	8.8%	24	35.3%	38	55.9%
4	Mengaplikasi SmartArt	7	10.3%	19	27.9%	19	27.9%	23	33.8%

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.

Peratusan dan kekerapan seperti Jadual 6 di atas merupakan aplikasi pensyarah terhadap teknik bagi jadual, carta dan graf dalam paparan persembahan Power Point syarahan. Penggunaan jadual, carta dan graf dalam paparan persembahan boleh memudahkan pelajar mengingat isi-isi penting. Ini disokong oleh (Tisdale, 2005) menyatakan bahawa graf dan jadual mampu memudahkan pelajar mengingat fakta-fakta penting berbanding dalam bentuk teks serta membuat perbandingan terutama fakta bernombor. Teknik yang paling kerap digunakan oleh pensyarah adalah memilih format grafik yang tepat iaitu 67.6 (46 orang), 23.4% (16 orang) kadang-kadang, manakala 7.4% (16 orang) jarang dan 1.5% (1 orang) lagi tidak pernah menggunakan teknik ini. (Rekdal, 2007) menyatakan pemilihan format grafik yang tepat adalah penting bagi membantu pelajar memahami data yang telah diubah ke bentuk visual. Namun begitu, bagi teknik carta bar *stacked* menunjukkan pensyarah kurang berminat mengaplikasikannya memandangkan peratusan yang agak tinggi bagi kategori kadang-kadang iaitu 33.8% (23 orang) dan jarang 32.4% (22 orang) yang menggunakannya. Manakala bagi pensyarah yang berminat untuk mengaplikasikan carta bar *stacked* di paparan adalah 26.5% (18 orang) sahaja. Aplikasi carta, jadual dan graf bagi meringkaskan isi-isi penting adalah 55.6% (38 orang) kerap menggunakannya memandangkan ianya mudah untuk dibuat berdasarkan templet yang disediakan. Diikuti dengan 35.3% (24 orang) pensyarah memilih kadang-kadang dan hanya 8.8% yang jarang menggunakannya. Terdapat 33.8% (23 orang) pensyarah lebih cenderung mengaplikasikan Smart Art, diikuti peratusan yang sama bagi kadang-kadang dan jarang iaitu 27.9% (19 orang), manakala 10.3% (7 orang) yang menyatakan tidak pernah menggunakan Teknik SmartArt. Teknik ini boleh membantu pensyarah untuk menghasilkan paparan seperti bentuk carta aliran yang pelbagai, kreatif dan menarik.

Jadual 7: Teknik bagi Foto dan Grafik

Bil	Teknik bagi Foto dan Grafik	Tidak pernah (%)		Jarang (%)		Kadang-kadang (%)		Kerap (%)	
1	Mengaplikasikan Clip Art	0	0%	6	8.8%	11	16.2%	51	75%
2	Mengaplikasikan Autoshapes	0	0%	8	11.8%	17	25%	43	63.2%
3	Mengubah Saiz Grafik, Gambar Digital dan Clip Art	1	1.5%	7	10.3%	26	38.2%	34	50%

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.

Jadual 7 di atas menunjukkan teknik-teknik yang digunakan dalam Foto dan Grafik yang mana ia amat penting dalam membantu menjelaskan lagi huraian dalam syarahan yang dibentangkan oleh para pensyarah. Penggunaan foto yang pelbagai warna dan menarik mampu menghilangkan rasa bosan penonton. Pensyarah kerap mengaplikasikan Clip Art dengan memasukkan imej-imej yang menarik dalam persembahan paparan mereka adalah 75% (51 orang), kadang-kadang 16.2% (11 orang) serta 8.8% (6 orang) jarang menggunakan teknik ini. Pensyarah juga menyatakan mereka kerap mengaplikasikan Autoshapes dalam persembahan paparan mereka iaitu seramai 63.2% (43 orang). Manakala, 25% (17 orang) kadang-kadang serta 11.8% (8 orang) jarang mengaplikasikannya. Manakala, seramai 50% (34 orang) pensyarah yang kerap mengubah saiz grafik, gambar digital dan Clip Art mengikut kesesuaian penggunaannya. Diikuti dengan 38.2% (26 orang) kadang-kadang, 10.3% (7 orang) jarang dan 1.5% (seorang) yang tidak pernah menggunakannya.

Jadual 8: Teknik bagi Audio/Video dan Multimedia

Bil	Teknik bagi Audio/Video dan Multimedia	Tidak pernah		Jarang		Kadang-kadang		Kerap	
1	Mengaplikasi audio ke paparan persembahan	4	5.9%	10	14.7%	12	17.6%	42	61.8%
2	Mengaplikasikan video ke paparan persembahan	6	8.8%	8	11.8%	16	23.5%	38	55.9%
3	Menggunakan Link untuk Menghubungkan Gambar-gambar Pilihan	7	10.3%	10	14.7%	18	26.5%	33	48.5%

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). How to Wow with PowerPoint. USA: Peachpit Press.

Teknik audio/video dan multimedia seperti Jadual 8, yang mana aplikasi teknik ini mampu menghidupkan lagi persembahan paparan pensyarah dengan memasukkan klip video atau lagu bagi memberi impak kepada persembahan. Teknik yang mendapat peratusan tertinggi adalah dengan mengaplikasikan audio 61.8% (42 orang), manakala 17.6% (12 orang) kadang-kadang yang mengaplikasikannya, diikuti dengan jarang 14.7% (10 orang) serta 5.9% (4 orang) yang tidak pernah mengaplikasikan teknik ini. Bagi pensyarah yang kerap mengaplikasikan link bagi menghubungkan gambar-gambar pilihan adalah 48.5% (33 orang) manakala 26.5% (18 orang) kadang-kadang, diikuti oleh pensyarah yang jarang iaitu 14.7% (10 orang) serta tidak pernah menggunakannya sebanyak 10.3% (7 orang). Kebiasaannya, link digunakan untuk mendapatkan imej atau infomasi dari tettingkap yang berlainan.

Jadual 9: Teknik Mencipta Tema dan Templet

Bil	Teknik Mencipta Tema dan Templet	Tidak pernah		Jarang		Kadang-kadang		Kerap	
1	Menghasilkan Paparan Mengikut Tema Kreativiti Sendiri	12	17.6%	13	19.1%	25	36.8%	18	26.5%
2	Menghasilkan Latarbelakang Paparan Power Point Sendiri	1	1.5%	8	11.8%	36	52.9%	23	33.8%
3	Menghasilkan Latarbelakang paparan dengan Elemen Photoshop	11	16.2%	18	26.5%	25	36.8%	14	20.6%

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). How to Wow with PowerPoint. USA: Peachpit Press.

Di dalam Jadual 9 pula menunjukkan peratusan pensyarah yang kerap menggunakan teknik tema dan templet yang mana kebanyakan pensyarah memilih kadang-kadang untuk mengaplikasikan teknik-teknik ini. Pensyarah kadang-kadang menghasilkan paparan mengikut tema kreativiti sendiri seramai 36.8% (25 orang), mengatasi yang kerap menggunakannya seramai 26.5% (18 orang) sahaja. Ini mungkin kerana untuk menghasilkan paparan yang kreatif memerlukan masa yang lama menyebabkan ramai yang memilih untuk menggunakan tema paparan yang sedia ada. Manakala bagi yang menggunakan teknik kedua iaitu menghasilkan latarbelakang paparan Power Point sendiri juga memilih kadang-kadang menggunakannya iaitu sebanyak 52.9% (36 orang). Bagi yang kerap menggunakannya pula sebanyak 33.8% (23 orang), manakala 11.8% (8 orang) jarang dan 1.5% (seorang) tidak pernah menggunakannya. Bagi teknik seterusnya iaitu menghasilkan latarbelakang paparan dengan element photoshop, seramai 36.8% (25 orang) menyatakan mereka kadang-kadang menggunakannya, diikuti 26.7% (18 orang) jarang dan hanya 20.6% (14 orang) kerap menggunakannya bagi mendapatkan impak yang lebih menarik dan berkesan, sebanyak 16.2% (11 orang) pula yang tidak pernah menggunakan teknik ini. Ini adalah kerana memasukkan elemen photoshop memerlukan kreativiti yang tinggi serta kekgangan masa menyebabkan teknik ini kurang mendapat sambutan untuk penyediaan Power Point bagi tujuan pengajaran.

Jadual 10: Teknik Bagi Menghasilkan Pergerakan pada Paparan

Bil	Teknik Bagi Menghasilkan Pergerakan pada Paparan	Tidak pernah		Jarang		Kadang-kadang		Kerap	
1	Memasukkan Bullet ke Paparan Persembahan	3	4.4%	13	19.1%	36	52.9%	16	23.5%
2	Mengaplikasikan Carta Animasi ke Paparan Persembahan	4	5.9%	19	27.8%	30	44.1%	15	22.1%
3	Mengaplikasikan Animasi Art ke Paparan Persembahan	4	5.9%	15	22.1%	31	45.6%	18	26.5%
4	Mengaplikasi pergerakan dari satu paparan ke satu paparan	3	4.4%	10	14.7%	32	47.1%	23	33.8%

Sumber dari: Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.

Teknik-teknik bagi menggerakkan paparan di Jadual 10 menunjukkan peratusan yang kurang memberangsangkan dari segi kekerapan aplikasinya. Terdapat 52.9% (36 orang) pensyarah yang kadang-kadang memilih untuk menggunakan bullet bagi paparan persembahan mereka manakala 23.5% (16 orang) mengatakan mereka kerap menggunakannya. Seramai 19.1% (13 orang) daripada pensyarah jarang menggunakan bullet dalam paparan persembahan mereka dan diikuti 4.4% (3 orang) tidak pernah menggunakan bullet dalam paparan persembahan mereka. Bagi mengaplikasi carta animasi ke paparan persembahan, 22.1% (15 orang) daripada pensyarah menyatakan mereka kerap menggunakan teknik ini kerana ianya menarik dan disediakan dalam pelbagai bentuk. Walau bagaimanapun, 44.1% (30 orang) menyatakan mereka kadang-kadang menggunakannya, diikuti oleh pensyarah yang jarang aplikasi teknik ini sebanyak 27.8% (19 orang) dan tidak pernah adalah 5.9% (4 orang) sahaja. Bagi pensyarah yang kerap menggunakan teknik Animasi Art ke paparan persembahan adalah 26.5% iaitu 18 orang berbanding 45.6% (31 orang) pensyarah mengatakan kadang-kadang menggunakannya, diikuti 22.1% (15 orang) jarang dan 5.9% (4 orang) lagi tidak pernah menggunakannya. Pensyarah juga menggunakan kadang-kadang iaitu 47.1% (32 orang) untuk mengaplikasi pergerakan paparan ke satu paparan, manakala 33.8% (23 orang) yang kerap melakukan teknik ini seterusnya 14.7% (10 orang) lagi memilih jarang untuk menggunakannya serta 4.4% (3 orang) tidak pernah menggunakannya. Berkemungkinan pergerakan paparan ini boleh mengganggu fokus pelajar semasa pembelajaran menyebabkan teknik ini kurang diaplikasikan.

### Kesimpulan

Dengan teknologi yang serba canggih ini manusia mampu melakukan kerja dengan lebih efisien dan sistematik. Namun dengan kehebatan teknologi tanpa kreativiti tidak mungkin menghasilkan sesuatu yang mantap dan berkesan. Begitu juga di dalam dunia pendidikan yang berbekalkan alat bantuan mengajar yang mampu memberi impak terhadap prestasi pelajar. Kreativiti pensyarah dalam menghasilkan paparan yang menarik dalam menyampaikan maklumat perlu dititikberatkan bagi mendapat fokus pelajar di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, kebanyakan pensyarah menggunakan kesemua teknik yang disenaraikan. Teknik yang paling kerap digunakan untuk tujuan pengajaran mereka adalah teknik topografi, susunan dan rekabentuk, jadual, carta dan graf, teknik bagi foto dan grafik serta teknik bagi audio/video dan multimedia yang mana penggunaan teknik-teknik ini melebihi 50%. Namun begitu bagi teknik-teknik seperti mencipta tema dan templet dan menghasilkan pergerakan pada paparan majoriti menyatakan kadang-kadang menggunakannya oleh kerana ianya memerlukan peruntukan masa yang panjang untuk membuatnya, jadi mereka lebih gemar memilih teknik asas yang disediakan di dalam Power Point sahaja.

Walaupun bagaimanapun, usaha pensyarah dalam menghasilkan paparan Power Point bagi tujuan pengajaran haruslah dipuji kerana niat suci murni mereka dalam mendidik anak bangsa agar lebih berjaya dan celik IT di masa hadapan. Seharusnya juga, mereka perlu meningkatkan diri dengan menambah pengetahuan yang ada bagi mendapatkan hasil yang lebih mantap seterusnya menaikkan prestasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## Rujukan

- Adler, Ronald B. and Elmhorst, Jeanne Marquardt (2010). *Communicating at Work: Principles and Practices for Business and the Professions*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Barbara Chievers, M. S. (2007). *A student's Guide to Presentation: Making Your Presentation Count*. London: SAGE Publications Ltd.
- Brownell, J. (1991). Designing and Delivering Effective Presentations. *The Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarterly*, 32 (1), 41-45.
- Cigdem Uz, F. o. (2010). Prospective Teachers' Opinions On the value of PowerPoint Presentations in Lecturing. *Procedia Sosial and Behavioral Sciences*, 2051-2059.
- Janet Mei-Chuen Lin, G. C.-Y. (2003). Exploring Potential uses Of ICT in Chinese Language Arts Instruction: Eight Teachers' Perspectives. *Computers & Education*, 42, 133-148.
- Kate Morss and Rowena Murray. (2005). *Teaching at University A Guide for Postgraduates and Researchers*. London: SAGE Publications Ltd.
- Nor Hidayatun Abdul Razak dan Norlaili Harun (2010). *Eksploitasi dan Inovasi Kemahiran Teknologi Dalam Menghasilkan Pembentangan Yang Berkesan: Menggunakan Program Powerpoint*. Prosiding KONAKA 2010, UiTM Pahang, m.s. 168-180.
- Pearson, Judy C. et al (2011). *Human Communication*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Rekdal, R. H. (2007). *How to Wow with PowerPoint*. USA: Peachpit Press.
- Sakip Kahraman, C. C. (2010). Investigation Of University Students' Attitude Toward The Use Of PowerPoint According To Some Variables. *Procedia Computer Science*, 3, 1341-1347.
- Seaman, M. (1998). Developing Visual Displays For Lecture-based Courses. *Teaching of Psychology*, 25, 141-145.
- Stephen, M. (2006). *Presentations with power point*. UK: Butterworth - Heinemann.
- Susskind, J. (2005). PowerPoint Power in The Classroom: Enhancing Students Self-ecacy and Attitudes. *Computer and Education*, 45, 203-215.
- Tisdale, J. J. (2005). *Effective Business Presentation*. New Jersey: Pearson, Prentice Hall.
- Wilbert J. McKeachie and Marilla Svinicki. (2006). *Teaching Tips Strategies, Research, and Theory for College and University Teachers*. Boston MA: Houghton Mifflin Company.

---

FAIZAN HJ ABD JABAR, NOR HIDAYATUN ABDUL RAZAK, NOR CHAHAYA JOHAR, Fakulti Pengurusan dan Pemiagaan. UiTM Pahang, faizan@pahang.uitm.edu.my, norhidayatun@pahang.uitm.edu.my, norchahaya@pahang.uitm.edu.my

NORLAILI HARUN, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat, UiTM Pahang. norlaili@pahang.uitm.edu.my

MASHITA HJ ABD JABAR, UiTM Melaka. mashita@melaka.uitm.edu.my